
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	12/10/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JHL SABAH			



INILAH bangkai gajah Pigmy Borneo yang ditemui oleh sekumpulan penyelidik di Sungai Resang Sakau, Kinabatangan Sabtu lalu.

Organ rosak punca gajah mati

KINABATANGAN – Seekor gajah Pigmy Borneo ditemui mati di kawasan Sanktuari Hidupan Liar Hilir Kinabatangan berhampiran Sungai Resang Sukau pada Sabtu lalu.

Bangkai gajah betina berusia 25 tahun itu ditemui pada pukul 8.30 pagi oleh sekumpulan penyelidik sebelum membuat laporan polis.

Ketua Polis Daerah Kinabatangan, Superintendan Dzulbaharin Ismail berkata, sepasukan anggota polis dan kakitangan Hidupan Liar serta Unit Veterinat Sepilok dihantar ke lokasi kejadian untuk menjalankan siasatan.

"Lokasi penemuan terletak kira-kira 66 kilometer dari Pekan Kinabatangan.

Kosmo 12 Okt 2021_14

Hasil bedah siasat menunjukkan gajah berkenaan dipercayai mati ekoran keradangan teruk pada beberapa organ."

DZULBAHARIN

"Pemeriksaan di tempat kejadian mendapati bangkai terbabit adalah seekor gajah betina yang dijangkakan berusia 25 tahun.

"Bagaimanapun, pemeriksaan mendapati tiada sebarang organ gajah itu yang hilang dan hasil bedah siasat menunjukkan gajah berkenaan dipercayai mati ekoran keradangan teruk pada beberapa organ dalam seperti usus dan perut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Dzulbaharin menyatakan gajah betina terbabit dilaporkan sudah mati sekitar tiga sehingga empat hari dari tarikh bangkainya ditemui.

Menurut beliau, siasatan lanjut akan dijalankan mengikut Seksyen 25 (1) Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997.

Beliau meminta orang awam yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kejadian itu supaya menghubungi polis bagi membantu siasatan.